

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kerjasama antara Malaysia dan China dalam program aeroangkasa:

- (a) Program angkasawan dan stesen angkasa yang ditawarkan oleh China;
- (b) Penyelidikan teknologi angkasa, industri kapal terbang dan UAV

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga kini, Malaysia tidak pernah menerima tawaran berkaitan program angkasawan dan stesen angkasa daripada pihak China. Walau bagaimanapun, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) yang kini dikenali sebagai Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *China National Space Administration* bagi kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) meliputi bidang sains dan teknologi angkasa termasuk kejuruteraan satelit dan sistem sensor *remote sensing* yang telah tamat pada 2013 dan kini sedang dalam proses untuk diperbaharui.

- (b) Berdasarkan input daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), MITI telah memberikan fokus yang khusus kepada pembangunan industri aeroangkasa negara. Menerusi Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Malaysia (NAICO), MITI telah melaksanakan pelbagai program pembangunan industri bagi memperkasakan rantai nilai aeroangkasa tempatan. Aktiviti penyelidikan dan teknologi (R&T) aeroangkasa yang menjurus kepada industri kapal terbang sedang dilaksanakan menerusi program “*High Value Added and Complex Product Development*” RMKe-11 di bawah MITI. Usaha ini diterajui oleh Aerospace Malaysia Innovation Centre (AMIC) dengan kerjasama NAICO. Fokus inisiatif R&T ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi teknikal Malaysia di dalam subsektor pembuatan aeroangkasa dan MRO (*Maintenance, Repair & Overhaul*) agar rantai nilai tempatan menjadi lebih kompetitif di peringkat global. Pada masa ini, kementerian ini masih meneliti cadangan kerjasama diantara syarikat Malaysia dengan syarikat daripada China untuk melabur di Malaysia dalam bidang aeroangkasa.
- (c) Dalam masa yang sama, Kementerian juga sedang melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan lagi teknopreneur tempatan di dalam bidang-bidang teknologi strategik seperti UAV termasuk dron. Kementerian kini sedang menyelaraskan usaha pembangunan teknologi dron dalam kalangan penyelidik daripada institusi pengajian tinggi dan syarikat teknopreneur tempatan. Usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi dron akan memfokuskan ke atas isu-isu keselamatan di samping menambah baik kapasiti dan prestasi produk bagi diaplikasikan di pelbagai industri misalnya pembuatan, perladangan, rekreasi, pemetaan dan kebajikan menerusi inisiatif *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS) dengan penglibatan agensi-agensi pengawalselia yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.